

22 APR 1998

PM BERLEPAS PULANG KE KL

HAADYAI (Selatan Thailand), 22 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas pulang ke Kuala Lumpur kira-kira jam 10 malam ini (waktu tempatan) dari Lapangan Terbang Antarabangsa di sini, selepas melakukan lawatan kerja kira-kira lapan jam ke sini dan Songkhla.

Berada di lapangan terbang untuk menghantar beliau pulang ialah Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai.

Ketika di sini, Dr Mahathir menghadiri majlis menandatangani dua Perjanjian Induk (HOA) jualbeli gas asli oleh Petronas dan Lembaga Petroleum Thailand (PTT) dari Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (MTJDA).

Acara itu diadakan di Taman Gen Prem Tinsulanonda di Songkhla.

Petang tadi, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan Chuan dan kemudiannya diraikan dalam satu majlis makan malam.

Yang turut mengiringi Dr Mahathir ialah isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

-- BERNAMA

AHM oba